



Headline: Shah Alam catat peningkatan 57 peratus kes penipuan berbanding 2018
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 27 December 2019
Language: Malay
Section: Nasional
Page: 6

Shah Alam catat peningkatan 57 peratus kes penipuan berbanding 2018



BAGI tempoh Januari sehingga November 2019, jenayah penipuan Macau Scam di Shah Alam mencatatkan peningkatan kes sebanyak 57 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Baharudin Mat Taib berkata, ia meningkat sebanyak sembilan kes bagi tempoh sama dan statistik jenayah Macau Scam juga mengambil kira aspek kerugian oleh mangsa.

"Laporan statistik menunjukkan penurunan nilai kerugian daripada RM3.9 juta pada tahun 2018 kepada RM2 juta dalam tempoh kajian yang sama pada 2019.

"Penurunan nilai kerugian adalah lebih kurang RM1.9 juta bersamaan penurunan 32.20

peratus. Itu menunjukkan walaupun Macau Scam masih ada mangsa-mangsa di Shah Alam tetapi terdapat rakyat yang sedar berkenaan modus operandi jenayah itu," katanya.

Baharudin turut menasihatkan masyarakat agar mengambil langkah pencegahan dengan tidak mudah terpedaya jika dihubungi individu yang mendakwa dari mana-mana organisasi, sebaliknya buat semakan dengan menghubungi organisasi terlibat bagi mengesahkan kesahihan perkara tersebut.

"Cuba elak daripada menjadi mangsa dengan menghentikan serta-merta panggilan telefon yang mencurigakan dan buat laporan polis jika tertipu atau cuba diperdaya.

"Namun, tidak mustahil jika selepas ini ada cara lain yang akan digunakan kerana dengan perkembangan teknologi, sindiket juga semakin kreatif mempelbagaikan teknik untuk menjerat mangsa," katanya.